

Pandangan *Fuqaha* terhadap Ketidakmukluman Komisen dalam Kontrak *Wakalah* oleh Organisasi Bukan Berorientasikan Keuntungan (OBBK) Islam

BITARA

Volume 8, Issue 3, 2025: 272-283
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 11 July 2025
Accepted: 11 August 2025
Published: 11 September 2025

[The Views of *Fuqaha* on The Non-Disclosure of Commission in *Wakalah* Contracts by Islamic Non-Profit Organisations (NPOS)]

Muhammad Amirul Amri Mohd Jaaffar¹ & Fathullah Asni^{1*}

1 Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Pulau Pinang Malaysia.
E-mail: amries5494@gmail.com; fathullah@usm.my

*Corresponding Author: fathullah@usm.my

Abstrak

Pengurusan dana awam oleh Organisasi Bukan Berorientasikan Keuntungan (OBBK) berteraskan Islam memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi umat. Namun, timbul persoalan hukum berhubung keharusan pengambilan komisen oleh OBBK tanpa pemakluman kadar secara jelas kepada penderma di peringkat awal kontrak *wakalah*. Kajian ini bertujuan meneliti pandangan *fuqaha* berkaitan isu ini serta menganalisis amalan semasa dalam kalangan OBBK Islam di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk analisis dokumen terhadap karya-karya fiqh klasik dan kontemporari, fatwa serta piawaian syariah antarabangsa seperti AAOIFI. Dapatan kajian menunjukkan wujud dua aliran utama pandangan *fuqaha*. Pandangan pertama (*jumhur*) mensyaratkan kejelasan kadar komisen sejak awal sebagai elemen sah kontrak *ijarah* atau *wakalah bi al-ujrah* bagi mengelakkan unsur *gharar*. Pandangan ini disokong oleh para *fuqaha* seperti al-Rafi'i, al-Imrani, al-Barnahaburi dan AAOIFI. Manakala pandangan kedua pula lebih fleksibel yang membenarkan pengambilan komisen tanpa penetapan kadar secara jelas dan terbuka, asalkan berdasarkan 'uruf, persetujuan umum dan tidak berlaku penganiayaan. Pandangan ini disokong oleh *fuqaha* seperti al-Zuhayli dan al-Kuthairi berdasarkan pendekatan *ujrah al-mithl*. Kajian juga mendapati wujud variasi dalam amalan pemakluman komisen dalam kalangan OBBK Islam di Malaysia. Sebahagian organisasi seperti Islamic Relief Malaysia dan MyCARE memaklumkan kadar komisen secara terbuka, manakala yang lain seperti Aman Palestin dan Cinta Syria Malaysia hanya mendedahkannya apabila diminta.

Kata kunci: *Wakalah bi al-ujrah*, Komisen, 'Uruf, NGO Islam, OBBK Islam

Abstract

The management of public funds by Islamic-based Non-Profit Organisations (NPOs) plays a vital role in the socio-economic development of the Muslim community. However, a legal issue arises regarding the permissibility of such organisations receiving commissions without disclosing the rate clearly to donors at the outset of the *wakalah* contract. This study aims to examine the views of Muslim jurists on this issue and to analyse current practices among Islamic NPOs in Malaysia. This research employs a qualitative method through document analysis of classical and contemporary fiqh literature, fatwas, and international Shariah standards such as those issued by AAOIFI. The findings indicate two major schools of thought among jurists. The first view (*jumhur*) stipulates that the commission rate must be clearly defined from the beginning, as a valid element in contracts of *ijarah* or *wakalah bi al-ujrah*,

in order to avoid *gharar* (uncertainty). This view is supported by jurists such as al-Rafi'i, al-Imrani, al-Barnahaburi, and the AAOIFI standards. The second view is more flexible, permitting commissions without clearly and openly specifying the rate, provided that it is based on prevailing custom (*'urf*), general consent, and there is no element of exploitation. This view is supported by scholars such as al-Zuhayli and al-Kuthayri through the concept of *ujrah al-mithl*. The study also finds variations in the practice of commission disclosure among Islamic NPOs in Malaysia. Some organisations such as Islamic Relief Malaysia and MyCARE openly disclose their commission rates, while others like Aman Palestin and Cinta Syria Malaysia only reveal them upon request.

Keywords: *Wakalah bi al-ujrah*, Commission, 'Urf, Islamic NGOs, Islamic NPOs



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Muhammad Amirul Amri Mohd Jaaffar & Fathullah Asni. (2025). Pandangan Fuqaha terhadap Ketidakmakhmuman Komisen dalam Kontrak Wakalah oleh Organisasi Bukan Berorientasikan Keuntungan (OBBK) Islam [The Views of Fuqaha on The Non-Disclosure of Commission in Wakalah Contracts by Islamic Non-Profit Organisations (NPOS)]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(3): 272-283.

Pengenalan

Pengurusan dana awam oleh Organisasi Bukan Berorientasikan Keuntungan (OBBK) berteraskan Islam di Malaysia memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi negara. Namun, dalam melaksanakan tanggungjawab ini, OBBK sering menghadapi pelbagai cabaran berkaitan tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti. Di Malaysia, OBBK beroperasi di bawah pelbagai kerangka perundangan yang berbeza seperti Akta Pertubuhan 1966, Akta Syarikat 2016 dan Akta Pemegang Amanah 1952 (Nawawi et al., 2024). Kepelbagaian rangka kerja undang-undang ini mewujudkan ekosistem pengurusan dana awam yang agak kompleks. Walaupun terdapat garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Bank Negara Malaysia, pelaksanaannya masih menghadapi isu seperti ketidakseragaman amalan dan kurangnya pemantauan yang berkesan (Nawawi et al., 2024).

Antara isu yang menjadi kekeliruan dalam pengurusan dana awam ialah sejauh mana keperluan untuk memaklumkan kadar komisen atau yuran pengurusan yang bakal diambil oleh pengurus dana amanah. Hal ini kerana, terdapat pihak yang mendakwa sekiranya tidak dimaklumkan pengambilan kadar komisen atau yuran pengurusan ketika di awal kontrak *wakalah* dengan upah adalah bersalahan dengan syarak dan yuran yang diambil adalah tidak patuh syarak (Asni et al., 2025). Oleh itu, kajian ini akan meneliti pandangan para *fuqaha* berkenaan dengan isu ini serta akan mengenal pasti sama ada tidak maklum kadar komisen akan menyebabkan komisen yang diambil adalah tidak patuh syarak atau sebaliknya. Selain itu, kajian ini juga akan meneliti amalan OBBK berkaitan dengan penentuan kadar komisen dalam pengurusan dana amanah.

Konsep *Wakalah bi al-Ujrah*

Dalam konteks *wakalah*, terdapat beberapa hukum yang berkaitan dengan *muwakkil* (pemberi kuasa) yang perlu difahami. Salah satu aspek penting dalam *wakalah* adalah isu pengambilan upah oleh wakil. Para *fuqaha* sepakat bahawa *wakalah* boleh dilakukan sama ada dengan upah atau tanpa upah. Kedua-dua keadaan ini telah dibuktikan melalui amalan Nabi SAW dan Umar al-Khattab. Adapun dalil keharusan konsep *wakalah* ini adalah bersandarkan tindakan Nabi SAW mengutuskan para amilnya untuk mengumpulkan zakat daripada pembayar zakat dan baginda memberikan upah kepada mereka. Manakala menerusi tindakan Umar al-Khattab pula adalah seperti mana *athar* yang diriwayatkan oleh Ibnu al-Sa'idi sebagaimana dilaporkan oleh Abu Dawud (2009),

“Daripada Ibnu al-Sa'idi, dia berkata: "Umar memberi saya jawatan untuk menguruskan hal ehwal zakat, lalu tatkala saya telah selesai menguruskannya, dia memerintahkan agar saya diberi upah, maka saya katakan: 'Sesungguhnya saya bekerja hanya untuk Allah.' Dia berkata: 'Ambillah apa yang telah diberikan kepada kamu, kerana sesungguhnya saya telah bekerja pada masa Rasulullah SAW dan beliau memberi kepada aku upah."

Dalam konteks ini, al-Khattabi (1932) menjelaskan bahawa istilah “*amalani*” bermaksud "memberikan saya upah" atau "memberikan saya tugas sebagai pekerja." Istilah "*al-u'ulah*" merujuk kepada upah atau bayaran yang diterima oleh seorang pekerja sebagai balasan atas tugas yang dilaksanakan.

Dalam *athar* tersebut disebutkan bahawa Umar al-Khattab mengutuskan Ibnu al-Sa'idi untuk mengumpulkan zakat daripada pembayar zakat dan memberikan beliau upah sebagai ganjaran atas usaha dan kerja yang dilakukan. Tindakan Umar al-Khattab ini bukan sahaja menunjukkan keharusan konsep *wakalah bi al-ujrah*, tetapi juga menekankan prinsip keadilan dan penghargaan terhadap usaha yang dilakukan oleh wakil. Dengan memberikan upah kepada para amil, beliau mengiktiraf kerja keras dan tanggungjawab yang mereka pikul dalam mengumpulkan zakat. Ini juga menunjukkan bahawa dalam Islam, setiap usaha dan kerja yang dilakukan berhak mendapat ganjaran yang setimpal (al-Khattabi, 1932).

Dibenarkan untuk mengambil upah berdasarkan kontrak *wakalah* kerana ia adalah sebagai balasan untuk kerja yang dilakukan dan dengan kerelaan kedua-dua pihak, iaitu wakil dan *muwakkil*. Hal ini dinyatakan dalam fatwa nombor (15518) daripada Lajnah Daimah lil-Ifta' di Arab Saudi. Dalam konteks moden, konsep *wakalah bi al-ujrah* boleh diaplikasikan dalam pelbagai urusan perniagaan dan kewangan seperti melantik ejen hartanah, peguam, menguruskan sumbangan dana awam atau juga perunding kewangan. Selagi upah yang dikenakan adalah berpatutan dan tidak membebankan pihak yang melantik, *wakalah bi al-ujrah* adalah satu bentuk perwakilan yang sah dan dibenarkan dalam Islam. Oleh itu, tindakan Nabi SAW mengutuskan para amil untuk mengumpulkan zakat dan memberikan mereka upah adalah dalil yang jelas mengenai keharusan konsep *wakalah bi al-ujrah* (Al-Baghawi, 1983).

Syarat-syarat *Wakalah bi al-Ujrah*

Dalam skop perbahasan *wakalah bi al-ujrah*, terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi untuk memastikan wakil berhak mendapatkan upah. Para *fuqaha* telah menetapkan bahawa jika *wakalah* dilakukan dengan upah, maka beberapa syarat tertentu mesti dipenuhi untuk menjamin kesahihan dan kejelasan upah tersebut.

Kerja yang diberikan mestilah jelas

Syarat pertama, skop kerja yang diberikan mestilah diketahui dengan jelas sehingga *wakalah* dapat dilaksanakan dengan baik. Kejelasan tugas dalam konteks *wakalah* adalah elemen yang sangat penting untuk memastikan tugas dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Kejelasan merujuk kepada pemahaman yang tepat dan terperinci mengenai tugas atau kerja yang diberikan. Pihak *muwakkil* (pemberi kuasa) bertanggungjawab untuk memberikan arahan yang jelas dan spesifik kepada wakil mengenai tugas yang perlu dilakukan. Ini termasuk menetapkan objektif, skop kerja dan jangka masa yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas tersebut. Tanpa kejelasan tersebut, wakil (penerima kuasa) mungkin menghadapi kesukaran untuk memahami harapan *muwakkil*, yang boleh membawa kepada kekeliruan dan pelaksanaan tugas yang tidak menepati kehendak asal (Ali Haidar, 1991.)

Selain itu, peranan wakil perlu ditentukan dengan jelas di mana *muwakkil* perlu memastikan bahawa wakil memahami sepenuhnya tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya, manakala wakil perlu memastikan bahawa dia mempunyai semua maklumat dan sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugas tersebut. Kejelasan dalam peranan ini membantu mengelakkan sebarang pertindihan tugas atau tanggungjawab yang boleh menyebabkan konflik atau perselisihan. Ketiadaan kejelasan dalam tugas yang diberikan boleh membawa kepada pelbagai isu antaranya termasuk pelaksanaan tugas yang tidak menepati standard yang diharapkan, pembaziran masa dan sumber, serta potensi perselisihan antara *muwakkil* dan wakil (Ali Haidar, 1991).

Penetapan kadar upah yang jelas

Menetapkan kadar upah yang jelas adalah elemen penting dalam memastikan keadilan dan ketelusan dalam usaha pekerjaan. Kadar upah yang ditetapkan dengan baik memberi manfaat kepada wakil dengan memberikan mereka ganjaran yang setimpal dengan usaha dan kemahiran mereka. Dalam konteks ini, adalah penting untuk mempertimbangkan pelbagai faktor seperti kelayakan, pengalaman, tanggungjawab kerja dan keadaan pasaran semasa. Apabila adanya kadar upah yang jelas, kedua-dua pihak dapat mengelakkan salah faham dan konflik (al-Buhuti, 2008)

Upah bukan sebahagian daripada *muwakkal bihi*

Syarat ini menjadi perselisihan dalam kalangan *fuqaha*. Menurut pandangan jumhur yang terdiri daripada al-Hanafiyah, al-Malikiyah dan al-Shafi'iyah, tidak dibenarkan upah dibayar

dalam bentuk sebahagian daripada barang yang diusahakan, atau sebahagian daripada hasil kerja yang dipersetujui, kerana terdapat unsur ketidakpastian (*gharar*) di dalamnya. Ini kerana jika barang yang sedang diusahakan itu musnah, maka pekerja akan kehilangan upah yang sepatutnya dia perolehi (Al-Nawawi, 2005; Ibn al-Rushd, 2004; al-Mirghinani, 2004)

Al-Mawardi (1999) menyatakan jika seseorang berkata, "Saya mewakili kamu untuk menjual kain ini dengan bayaran satu persepuluh daripada harganya," atau "dari setiap seratus dirham dari harganya, satu dirham adalah bayaranmu," maka ia tidak sah kerana ketidakjelasan jumlah upah. Ini kerana, terdapat kaedah fiqh yang menyatakan bahawa "upah tidak boleh menjadi sebahagian daripada perkara yang diwakilkan" adalah untuk menjamin keadilan di mana ia memastikan bahawa kedua-dua pihak, iaitu *muwakkil* dan wakil mendapat hak mereka dengan adil. *Muwakkil* mendapat hasil jualan yang sepatutnya, manakala wakil mendapat upah yang telah dipersetujui tanpa sebarang manipulasi. Kaedah ini juga memberikan kejelasan dalam urusan dan perjanjian antara kedua-dua pihak. Hal ini mengurangkan risiko salah faham atau pertikaian mengenai jumlah upah atau nilai barang yang diuruskan.

Manakala menurut pandangan ulama Mazhab Hanbali, pemberian upah berdasarkan perkongsian hasil kerja adalah dibenarkan. Mereka mengqiaskannya dengan konsep *mudarabah* dan *musaqah*. Sebagai contoh, dibolehkan seseorang menyerahkan haiwan kepada individu lain untuk diusahakan dengan syarat pengusaha tersebut menerima separuh daripada keuntungannya. Begitu juga dibolehkan menyerahkan tanaman atau pokok kurma kepada seseorang untuk dijaga dan diurus dengan perjanjian bahawa dia akan menerima satu per enam daripada hasilnya. Perjanjian seperti ini dianggap sah kerana hasil kerja boleh dinilai secara langsung melalui hasil yang diperolehi, sekali gus menjamin kejelasan dalam perkongsian (Ibn Qudamah, 1968).

Dalam konteks moden, khususnya dalam pengurusan kutipan dana awam, isu ketidakpastian (*gharar*) yang dibimbangi oleh majoriti *fuqaha* boleh ditangani dengan lebih berkesan melalui peraturan yang terperinci dan mekanisme pengurusan risiko yang lebih sistematik. Sebagai contoh, kontrak *wakalah bi al-ujrah* pada hari ini lazimnya dilengkapi dengan klausa perlindungan bagi memastikan wakil atau ejen tetap menerima upah mereka secara adil dan jelas.

Dengan adanya ketelusan yang lebih tinggi, sistem pentadbiran moden yang tersusun, serta dokumen kontrak yang jelas, pendekatan Mazhab Hanbali yang membenarkan pembayaran komisen berdasarkan hasil atau peratusan dana yang dikumpul dilihat lebih sesuai dan praktikal untuk diaplikasikan dalam urusan muamalat semasa, asalkan kontrak tersebut dirancang dengan teliti dan adil kepada semua pihak yang terlibat.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis dokumen (*documentary analysis*) bagi menilai pandangan para *fuqaha* terhadap isu pemakluman kadar komisen dalam kontrak *wakalah bi al-ujrah* serta mengkaji amalan semasa dalam kalangan OBBK Islam di Malaysia. Sumber utama kajian ini merangkumi:

1. Karya fiqh klasik dan kontemporari termasuk pandangan daripada mazhab-mazhab utama seperti Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali;
2. Piawaian Syariah antarabangsa seperti *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)*;
3. Fatwa-fatwa kontemporari termasuk pandangan institusi seperti IslamQA dan Jabatan Hal Ehwal Islam Dubai;
4. Dokumen rasmi, laman web dan kenyataan awam OBBK Islam terpilih seperti MyCARE, Muslim Volunteer Malaysia (MVM), Islamic Relief Malaysia (IRM), Aman Palestin dan Cinta Syria Malaysia (CSM).

Data dianalisis secara tematik (*thematic analysis*) untuk mengenalpasti perbezaan pandangan *fuqaha* serta amalan semasa berkaitan ketelusan kadar komisen. Perbandingan dibuat antara pendekatan fiqh klasik dan realiti pengurusan dana oleh OBBK dalam konteks moden. Pendekatan kualitatif ini dipilih bagi membolehkan penilaian yang mendalam terhadap prinsip-prinsip hukum syariah serta pertimbangan *maqasid al-shari'ah* dan *'uruf* dalam menangani isu yang dibincangkan.

Dapatan dan Perbincangan

Perbezaan padangan *fuqaha* mengenai isu tidak memaklumkan pengambilan kadar komisen di awal kontrak *wakalah*

Dalam perbincangan para fuqaha mengenai isu tidak memaklumkan kadar komisen pada peringkat awal dalam kontrak *wakalah bi al-ujrah*, terdapat perbezaan pandangan yang signifikan. Sebahagian ulama berpandangan bahawa kegagalan untuk menjelaskan kadar komisen pada awal akad boleh menyebabkan akad tersebut tidak sah. Menurut Al-Rafi'i (1997), bayaran upah dalam kontrak ijarah mestilah dinyatakan dengan jelas dari segi kadar dan sifatnya, seperti mana keperluan menyatakan harga dalam akad jual beli apabila ia melibatkan hutang. Hal ini selaras dengan prinsip syarak yang menekankan kejelasan dalam pertukaran manfaat. Al-Rafi'i menyatakan: "Upah wajib diketahui kadar dan sifatnya, sebagaimana harga apabila ia merupakan hutang." Tambahan pula, terdapat riwayat daripada Rasulullah SAW yang bersabda: "Sesiapa mengupah seorang pekerja, maka hendaklah dia memberikan upahnya."

Demikian juga, al-Imrani (2000) berpendapat bahawa kontrak ijarah tidak sah sekiranya kadar upah tidak dinyatakan dengan jelas. Sebagai contoh, jika seseorang berkata: "Aku mengupah kamu untuk bekerja di kebun kurma ini dengan setengah daripada hasil buahnya," maka kontrak tersebut dianggap tidak sah kerana upah yang ditetapkan dalam bentuk hasil tuaian belum dapat dipastikan kadarnya secara tepat. Ini menunjukkan bahawa kejelasan kadar upah merupakan elemen asas yang wajib dinyatakan dalam kontrak ijarah. Al-Imrani menegaskan: "Dan jika dia berkata: 'Aku mengupah kamu untuk bekerja di kebun kurma ini dengan setengah daripada hasil buahnya,' maka ia tidak sah, kerana upah dalam kontrak ijarah mestilah diketahui dengan jelas kadarnya. Dalam hal ini, upah tersebut tidak diketahui kadarnya, maka kontrak itu tidak sah." Pendirian ini menekankan pentingnya ketelusan dalam menentukan hak kedua-dua pihak agar tidak berlaku pertikaian pada kemudian hari.

Pandangan ini turut disokong oleh al-Barnahaburi (1889) yang menegaskan bahawa antara syarat sah bagi kontrak *ijarah* ialah keperluan untuk menjelaskan kadar upah secara terang dan tidak mengandungi unsur ketidakpastian. Beliau turut menyatakan bahawa upah tidak boleh terdiri daripada manfaat yang sama jenis dengan objek yang menjadi subjek akad. Sebagai contoh, tidak dibenarkan untuk menyewakan tempat tinggal dengan bayaran berupa tempat tinggal lain, atau menyewakan perkhidmatan dengan upah berupa perkhidmatan yang serupa.

Pendapat ini menunjukkan bahawa perbezaan antara upah dan objek akad adalah penting bagi mengelakkan unsur *gharar* (ketidakpastian) dan *jahalah* (ketidaktentuan). Al-Barnahaburi (1889) menjelaskan: “Antara syarat lain ialah upah mesti diketahui dengan jelas. Satu lagi syarat ialah upah tidak boleh berupa manfaat yang sama jenis dengan objek yang dikontrakkan, seperti menyewakan tempat tinggal dengan bayaran berupa tempat tinggal, atau menyewakan perkhidmatan dengan bayaran berupa perkhidmatan.” Penegasan ini mencerminkan keprihatinan *fuqaha* terhadap kejelasan dan pemisahan yang wajar antara manfaat yang diberi dan yang diterima dalam akad *ijarah*.

Selain itu, al-Bukhari (2004) turut menegaskan bahawa antara syarat utama dalam kontrak *ujrah* ialah kejelasan berkenaan kadar upah dan skop kerja (*ma‘qud ‘alayh*). Syarat ini terpakai sama ada kontrak tersebut merujuk kepada pelaksanaan kerja ataupun pemberian manfaat. Beliau menjelaskan: “Adapun penjelasan mengenai syarat-syaratnya: maka kerja jika kontrak *ijarah* merujuk kepada kerja, dan manfaat jika kontrak merujuk kepada manfaat. Ini kerana upah adalah perkara yang diadakan, manakala kerja atau manfaat adalah perkara yang menjadi subjek akad (*ma‘qud ‘alayh*). Penentuan yang jelas terhadap perkara yang diadakan dan subjek akad adalah syarat untuk mengelakkan perselisihan, sebagaimana dalam bab jual beli. Penentuan manfaat boleh dilakukan dengan menyatakan tempoh masa (iaitu tempoh kontrak) atau dengan menyatakan jarak sekiranya relevan.” Penekanan yang diberikan oleh al-Bukhari ini memperlihatkan kepentingan kejelasan dalam pelaksanaan kontrak *ijarah*, khususnya bagi menjamin kesahihan akad dan menghindari unsur *gharar* yang boleh menimbulkan pertikaian antara pihak-pihak yang terlibat.

Perkara yang sama turut ditegaskan dalam *Piawaian Syariah* yang dikeluarkan oleh Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) pada tahun 2017. Piawaian tersebut menetapkan bahawa upah wakil hendaklah dinyatakan secara jelas, sama ada dalam bentuk jumlah tetap atau peratusan daripada jumlah yang telah diketahui. AAOIFI (2017) menyatakan: “Upah wakil mesti dinyatakan dengan jelas, sama ada dalam jumlah tetap atau peratusan daripada jumlah yang diketahui. Ia juga boleh berdasarkan petunjuk yang boleh dirujuk, seperti ketika upah telah ditetapkan pada awal kontrak wakalah dan dikaitkan dengan satu penunjuk yang digunakan pada setiap tempoh. Tidak boleh membiarkan upah itu tidak ditentukan, contohnya wakil menerima upah yang tidak jelas daripada hak-hak yang dituntut oleh pemberi kuasa.” Ketetapan ini memperlihatkan bahawa AAOIFI sangat menitikberatkan prinsip kejelasan dalam penentuan upah sebagai langkah untuk mengelakkan unsur *gharar* (ketidakpastian) dan mengurangkan potensi pertikaian antara pihak-pihak yang terlibat dalam kontrak *wakalah*. Penekanan ini selari dengan prinsip-prinsip umum dalam fiqh muamalat yang menuntut ketelusan dan kepastian dalam setiap bentuk pertukaran manfaat.

Sementara pandangan sebaliknya menyatakan bahawa tidak memaklumkan pengambilan kadar komisen di awal kontrak *wakalah* adalah sah dengan syarat-syarat tertentu.

Antara *fuqaha* yang berpendapat sedemikian ialah al-Zuhayli (2015) yang berpandangan bahawa pengambilan kadar komisen tanpa pemakluman secara khusus masih dibolehkan, asalkan kadarnya munasabah bertepatan dengan '*uruf*' (adat kebiasaan) dan wujud persetujuan bersama antara wakil dan *muwakkil*. Beliau menjelaskan bahawa sekiranya kadar upah tidak dinyatakan dengan jelas dalam kontrak, maka hukum penentuannya kembali kepada '*uruf*' semasa.

Dalam konteks ini, dapat difahami bahawa pernyataan kadar upah secara spesifik bukanlah syarat yang mutlak dalam akad upah termasuk dalam kontrak *wakalah*, selagi wujud persefahaman yang adil dan tidak membawa kepada pertikaian. Pandangan ini memberikan kelonggaran dalam pelaksanaan akad *wakalah bi al-ujrah*, khususnya dalam konteks semasa yang sering bergantung kepada standard industri dan kebiasaan yang diterima umum.

Demikian juga merujuk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Islamqa (2025) terhadap persoalan, "Adapun mengambil dari sumbangan tanpa izin pemberi sumbangan, terdapat *khilaf* (perbezaan pendapat) mengenainya. Pendapat yang lebih kuat adalah boleh diberikan upah yang tidak melebihi kadar upah biasa untuk pekerjaan yang sama, jika tidak ada orang yang sanggup melakukannya secara percuma, dan dikhuatiri akan luputnya *masalah* daripadanya". Justeru, perkara yang dapat difahami daripada pandangan ini, jika situasi yang lebih ketat seperti pengambilan kadar komisen tanpa izin pun dibenarkan dengan syarat-syarat tertentu, maka situasi yang lebih longgar seperti pengambilan komisen dengan persetujuan bersama tetapi tanpa penetapan kadar yang terperinci tentu lebih layak untuk dibenarkan. Asas penyelesaian dalam kedua-dua kes ini tetap merujuk kepada prinsip '*ujrah al-mithl*' (upah yang setara) sebagai kayu pengukur keadilan. Justeru, ketiadaan maklumat kadar yang terperinci tidak semestinya membatalkan keharusan pengambilan komisen, selagi ianya tidak melebihi kadar yang munasabah menurut ukuran upah biasa dan memenuhi *masalah* bersama.

Pandangan yang sama turut dinyatakan oleh al-Kuthayri (2010) menerusi jawapan beliau terhadap persoalan berkenaan "Adakah dibolehkan mengambil upah tanpa izin sorih (jelas) daripada muwakkil?", beliau menjelaskan bahawa isu ini berbalik kepada konsep *al-uruf* (adat kebiasaan) dan *maqasid mu'amalat* (tujuan syariat dalam urusan transaksi). Dalam penelitiannya, beliau cenderung kepada pendapat yang membenarkan pengambilan upah berdasarkan *ujrah al-mithl* (upah yang setara) jika wakil bekerja dalam bidang yang secara adatnya memerlukan bayaran, walaupun tidak dinyatakan secara jelas dalam kontrak.

Pendapat al-Kuthayri (2010) ini selari dengan mazhab Hanafi, sebahagian ulama Syafie dan Hanbali yang berhujah bahawa dalam profesion tertentu yang terdiri daripada peguam, doktor, atau pengurus dana, kebiasaan masyarakat sudah mengiktiraf bahawa kerja tersebut memerlukan upah. Oleh itu, ia dianggap sebagai syarat tersirat sebagaimana dalam kaedah fiqh yang bermaksud, "Apa yang telah diketahui secara adat kebiasaan dianggap seperti sesuatu yang telah disyaratkan dalam kontrak." Maka jika diteliti dalam isu apabila kedua-dua pihak sudah bersetuju secara umum tentang pengambilan upah tetapi tidak menentukan kadar komisen secara terperinci, ia tidak menjadi isu kerana:

1. Persetujuan Asas Sudah Wujud: Jika kedua-dua pihak tahu dan menerima bahawa wakil akan mendapat upah, maka ketiadaan penetapan kadar tidak membatalkan hak tersebut.
2. Ketidadaan Penipuan: Selagi tidak ada unsur penyelewengan atau pengkhianatan, pengambilan upah yang munasabah dibenarkan.

3. Kelayakan *Ujrah al-Mithl*: Jika dalam kes yang lebih berat (upah diambil tanpa izin yang jelas) adalah dibenarkan berdasarkan ketetapan *ujrah al-mithl*, maka dalam keadaan yang lebih ringan (hanya tidak dinyatakan kadar komisen), sudah tentu ia juga diharuskan dan dikembalikan kepada kepada ketetapan *ujrah al-mithl*.

Merujuk kepada pandangan yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Islam dan Amal Kebajikan Dubai (2025), ketika diajukan persoalan mengenai isu pemotongan sebahagian daripada dana sumbangan yang dikumpulkan melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) untuk tujuan kebajikan. Persoalan ini timbul kerana terdapat potongan yang tinggi iaitu melebihi 30% daripada jumlah derma sebagai bayaran perkhidmatan. Menurut pertanyaan yang diterima, kebanyakan kempen derma melalui SMS melibatkan potongan yang besar oleh syarikat perkhidmatan. Bahkan ada daripada kalangan institusi kebajikan tidak menyatakan secara jelas tentang potongan tersebut kepada penderma. Pihak Jabatan Hal Ehwal Islam dan Amal Kebajikan Dubai memberikan penjelasan yang komprehensif dengan membezakan antara dua jenis sumbangan. Dalam konteks sedekah sunat, adalah lebih utama jika dapat menggunakan saluran derma yang tidak melibatkan sebarang potongan, agar keseluruhan jumlah sumbangan dapat disalurkan kepada penerima yang berhak. Namun, sekiranya tidak terdapat alternatif lain dan terpaksa menggunakan perkhidmatan yang mengenakan potongan, maka hukumnya adalah tidak mengapa kerana mengikut *uruf* penderma memang sudah mengetahui akan perihal itu.

Aplikasi dalam konteks pengamalan OBBK Islam di Malaysia

Berikut merupakan beberapa contoh pengamalan oleh OBBK Islam di Malaysia berkaitan dengan pemakluman kadar komisen, sama ada secara jelas kepada umum ataupun sebaliknya:

OBBK yang memaklumkan kadar komisen kepada umum

Menurut kajian oleh Rashid et. al (2021), terdapat pelbagai pendekatan yang diamalkan oleh OBBK dalam pengurusan komisen dana awam. Sebagai contoh, Islamic Relief Malaysia (IRM) memastikan ketelusan dengan memaklumkan kadar komisen secara terbuka kepada awam melalui medium tertentu. Manakala pendekatan Muslim Volunteer Malaysia (MVM) pula, organisasi ini lebih terbuka dengan memaparkan maklumat komisen melalui poster atau terma dan syarat di laman web mereka bagi mengelakkan unsur penipuan. Selain daripada MVM, Humanitarian Care Malaysia (MyCARE) turut menyatakan peratusan komisen melalui laman web rasmi mereka sebagaimana dalam rajah 1 di bawah;

5. 30% daripada sumbangan akan digunakan untuk menampung kos operasi menggerakkan program / kempen bantuan tersebut kecuali program Ibadah Qurban (tidak termasuk Sedekah Qurban) dan juga kempen bantuan kecemasan yang ditetapkan.

Rajah 1: Tatapan mengenai kadar komisen yang diambil oleh MVM

Sumber: Laman rasmi MVM (2025)

Berdasarkan Rajah 1, dapat dilihat bahawa pihak MVM mengenakan potongan sebanyak 5.30% daripada jumlah sumbangan yang diterima bagi menampung kos operasi dalam melaksanakan sesuatu program atau kempen bantuan. Namun begitu, maklumat yang dipaparkan juga menunjukkan bahawa tiada sebarang komisen dikenakan bagi program-program tertentu, seperti program ibadah qurban (tidak termasuk *sedekah qurban*) dan kempen bantuan kecemasan yang telah ditetapkan.

“ Saya dengan ini mewakili kepada Humanitarian Care Malaysia (MyCARE) atau wakilnya untuk menyempurnakan sumbangan yang saya amanahkan. Saya juga bersetuju untuk MyCARE mengambil 15% sebagai kos operasi bagi MyCARE menyempurnakan pelaksanaan sumbangan ini. Dan sekiranya terdapat lebih, saya bersetuju menghibahkan lebih tersebut kepada MyCARE. ”

Rajah 2: Tatapan mengenai kadar komisen yang diambil oleh MyCARE

Sumber: Laman rasmi MyCare (2025)

Rajah 2 ini memaparkan satu pernyataan persetujuan daripada penyumbang kepada Humanitarian Care Malaysia (MyCARE). Dalam pernyataan tersebut, penyumbang secara jelas mewakili MyCARE atau wakilnya untuk menyempurnakan sumbangan yang diamanahkan. Penyumbang juga bersetuju bahawa MyCARE boleh mengambil sebanyak 15% daripada jumlah sumbangan sebagai kos operasi bagi melaksanakan bantuan tersebut.

Selain itu, sekiranya terdapat lebih daripada sumbangan selepas pelaksanaan program, penyumbang turut memberikan persetujuan untuk menghibahkan lebih tersebut kepada pihak MyCARE. Pernyataan ini berfungsi sebagai justifikasi yang sah dari segi perundangan serta menjelaskan kepada penyumbang berkenaan kadar potongan dan penggunaan lebih dana. Ia sekali gus membantu mengelakkan unsur *gharar* (ketidakpastian) dalam kontrak *wakalah bi al-ujrah* yang diamalkan oleh organisasi ini.

OBBK yang memaklumkan kadar komisen secara tertutup atau apabila diminta

Sementara itu, Aman Palestin hanya mendedahkan kadar komisen apabila diminta secara langsung oleh masyarakat, bagi mengelakkan isu sensitiviti (Rashid et al., 2021). Manakala Cinta Syria Malaysia (CSM) tidak menyatakan kadar komisen secara terbuka, namun bersedia memberikan maklumat tersebut secara peribadi sekiranya diminta (Rashid et al., 2021). Pendekatan ini mencerminkan variasi dalam tahap ketelusan yang diamalkan oleh organisasi, bergantung kepada dasar dalaman dan keperluan masing-masing.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa isu pemakluman kadar komisen dalam kontrak *wakalah bi al-ujrah* merupakan perkara yang diperselisihkan dalam kalangan *fuqaha*. Majoriti *fuqaha* meletakkan syarat kejelasan kadar upah sebagai asas kepada kesahihan akad,

manakala sebahagian *fuqaha* kontemporari seperti al-Zuhayli dan al-Kuthairi lebih fleksibel dengan membenarkan pengambilan komisen tanpa penetapan kadar secara terperinci di awal kontrak, asalkan tidak berlaku penipuan dan masih berpandukan kepada uruf serta prinsip keadilan seperti *ujrah al-mithl*.

Dalam konteks amalan semasa OBBK Islam di Malaysia, dapat diperhatikan bahawa bentuk amalan pemakluman kadar komisen oleh OBBK yang dikaji adalah selari dengan pandangan para *fuqaha* muktabar, meskipun mereka berbeza pandangan dari sudut keperluan untuk menyatakan kadar komisen secara jelas di awal kontrak. Perbezaan ini tidak membawa kepada pertentangan yang mutlak, sebaliknya masing-masing berpandukan kepada hujah dan prinsip fiqh yang sah. Sebahagian *fuqaha* yang menegaskan keperluan kejelasan kadar upah bagi mengelakkan unsur *gharar* dan memastikan sahnya akad, manakala sebahagian yang lain berpandangan bahawa kejelasan itu boleh digantikan dengan uruf dan persetujuan umum, selagi tidak berlaku penipuan atau kezaliman terhadap mana-mana pihak.

Dalam konteks ini, pendekatan yang diambil oleh OBBK di Malaysia sama ada dengan memaklumkan kadar komisen secara terbuka atau hanya apabila diminta, masih dapat disandarkan kepada pandangan fiqh yang diiktiraf. Ia menunjukkan bahawa amalan semasa ini berupaya menyesuaikan diri dengan kehendak syarak secara fleksibel, selagi prinsip ketelusan, keadilan dan tidak berlaku *gharar* terus dipelihara. Pendekatan ini juga menggambarkan bagaimana fiqh muamalat dapat diaplikasikan secara dinamik dalam realiti pengurusan dana awam oleh OBBK masa kini.

RUJUKAN

- Abu Dawud, S. (2009). *Sunan Abu Dawud*. Beirut: Dar al-Risalah al-Alamiyah.
- Ali Haidar, K. A. (1991). *Durar al-hukkam fi sharh Majallat al-ahkam*. Beirut: Dar al-Jil.
- AOIFI. (2017). *Al-Maayir al-Shariyyah*. Bahrain: AAOIFI.
- Asni, F., Sulong, J., Robbi, A. A., Zaki, M. M., & Zulkifli, M. I. (2025). *Garis panduan pengurusan dana awam oleh pertubuhan bukan kerajaan (OBBK) Islam menurut fiqh muamalat*. Pulau Pinang: Jabatan Mufti Pulau Pinang.
- Al-Baghawi, (1983). *Sharh al-Sunnah*. Al-Maktab al-Islami
- Al-Barnahburi, N. (1889). *Al-Fatawa al-Alamkiriyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Buhuti, M. Y. (2008). *Kashaf al-qina' 'an al-iqna'*. Riyad: Wizarah al-'Adl.
- Al-Bukhari, M. (2004). *Al-Muhit al-Burhani fi al-Fiqh al-Numani*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Fatwakheir. (2025). *Hukm khasm nisbah min al-tabarru'at ujah lil-khadamat*. Lihat: <https://shorturl.at/r0Bf1> (diakses pada 19/7/2025)
- Ibn Juzayy, M. A. (1923). *Al-Qawanin al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-Nahdah
- Ibn Majah, M. Y. (2009). *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Risalah al-Alamiyah.
- Ibn Nujaym, Z. (1999). *Al-Ashbah wa-al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah, A. A. (1968). *Al-Mughni*. Beirut: Dar Alam al-Kutub.
- Ibn Rushd, M. A. (2004). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Imrani, Y. B. (2000). *Al-Bayan fi madhhab al-imam al-Shafi'i*. Jeddah: Dar al-Minhaj

- Islamqa. (2025). *Hukm akhzu nisbah min al-tabarru'āt liman yajma'uhā*. Lihat: <https://islamqa.info/ar/answers/> (diakses pada 19/7/2025)
- Al-Khattabi, H. M. (1932). *Ma'alim al-Sunan: Sharh Sunan al-Imam Abi Dawud*. Halab: al-Matba'ah al-Ilmiyyah.
- Al-Kuthayri, T. U. (2010). *Al-Mawarid al-Maliyyah li-al-Mu'assasat al-Amal al-Khayri al-Mu'asir*. Riyad: Dar al-Khassah.
- Al-Marghinani, B. A. A. (2004). *Al-Hidayah fi Sharh Bidayah al-Mubtadi*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Al-Mawardi, A. M. (1999). *Al-Hawi al-kabir fi fiqh madhhab al-imam al-Shafi'i: Sharh mukhtasar al-Muzani*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- MVM. (2025). *Donation*. Lihat: <https://donationmvm.org/> (diakses pada 19/7/2025)
- MyCare. (2025). *Donate Now*. Lihat: <https://donate.mycare.org.my/default> (diakses pada 19/7/2025)
- Al-Nawawi, Y. S. (2005). *Minhaj al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin fi al-Fiqh*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Nawawi, A. M. A. M., Anuar, N. A., & Samar, N. (2024). Legal Framework For Non-Profit Organisations In Malaysia And The Need For A Standard Regulatory & Compliance Framework In Charity Governance. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 7(2), 91-104.
- Al-Rafi'i, A. M. (1997). *Fath al-Aziz bi Sharh al-Wajiz*. Beirut: Dar al-Kutub al-Alamiyah.
- Rashid, K. A. A., & Awang, M. S. (2021). Garis panduan Pendekatan Syariah Terhadap Pengurusan Komisen Dana Awam Oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs): Syariah Approach Guideline on the Commission Management of Public Donation by Non-Governmental Organizations (NGOs). *'Abqari Journal*, 25(1), 154-169.
- Wizarah al-Awqaf wa-al-Shu'un al-Islamiyyah. (2006). *Al-Mawsua'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*. Kuwait: Dar al-Safwah.
- Al-Zuhayli, W. (1985). *Al-Fiqh al-Islami wa-Adillatuhu*. Dimashq: Dar al-Fikr.